

17/09/2002

`Biar Puteri selesaikan masalah sendiri'

Baharom Bakar

PERTANDINGAN merebut jawatan dalam parti adalah amalan biasa, sama ada pada peringkat cawangan, bahagian mahupun kebangsaan. Bagaimanapun, jika ada pertandingan pada peringkat penajaan, ia adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian kerana kebiasaannya jawatankuasa penaja diberi peluang terus menajawat jawatan.

Inilah senario yang berlaku dalam Pergerakan Puteri Umno. Sudah ada ahli yang menawarkan diri untuk bertanding, termasuk jawatan Ketua Puteri Umno, kerana mereka beranggapan dapat memberi perkhidmatan lebih baik daripada penyandang sekarang.

Tidak hairanlah penawaran untuk menduduki kerusi itu sudah bermula. Hingga kini bekas Ketua Penerangan Puteri, Mastina Abdul Hamid, dan seorang ahli, Raihan Suleiman @ Palestin, menawarkan diri untuk bertanding pada pemilihan Puteri, 2 November depan.

Apabila ada pertandingan, sudah menjadi perkara biasa bagi setiap calon yang ingin memegang jawatan membuat pendedahan dengan mendakwa pelbagai penyelewengan dilakukan.

Puteri Umno yang ditubuhkan tidak sampai dua tahun sudah menunjukkan taringnya apabila diberi tanggungjawab membantu calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari, Pahang; Indera Kayangan, Perlis serta Anak Bukit dan Pendang di Kedah.

Pada pilihan raya berkenaan, Puteri berjaya membantu calon BN yang bertanding memenangi kerusi hingga menyebabkan pembabitan mereka semakin digeruni oleh pembangkang, terutama Pas.

Perebutan jawatan Ketua Puteri Umno itu dikatakan bermula apabila Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan pada majlis Penerangan Tatacara Mesyuarat dan Pemilihan Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini bahawa Umno tidak menyekat mana-mana jawatan dalam pergerakan itu untuk dipertandingkan.

Pemilihan jawatankuasa Puteri yang dianggap sayap kiri Umno pada peringkat cawangan bermula 1 Ogos lalu, manakala pemilihan bahagian berlangsung dari 16 September hingga 15 Oktober.

Mesyuarat bahagian dianggap penting kerana pada mesyuarat itu mereka akan mencalonkan ahli yang ingin bertanding jawatan tertinggi pada peringkat kebangsaan, termasuk Exco Puteri.

Had kelayakan untuk menjadi anggota Puteri ditetapkan berusia di antara 18 hingga 35 tahun, manakala untuk jawatan ketua sehingga usia 40 tahun.

Selepas beberapa hari Dr Mahathir mengumumkan jawatan dalam pergerakan itu boleh dipertandingkan, Mastina menawarkan diri untuk mencabar Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said.

Beberapa hari lalu, Raihan, anak kepada bekas Ketua Penerangan Umno, Allahyarham Sulaiman Palestin, yang pernah bertanding jawatan Presiden Umno menentang Tun Hussein Onn, pula menawarkan untuk mencabar Azalina.

Seperti yang sering diperkatakan Dr Mahathir, Umno membuka pintu seluas-luasnya kepada ahlinya untuk mencuba nasib memegang jawatan tertinggi dalam parti, tetapi calon yang ingin bertanding hendaklah menjaga keharmonian parti.

Mengenai isu pemilihan jawatankuasa kebangsaan pada 2 November ini, pelbagai tuduhan dan laporan polis dilakukan, bertujuan memburuk-burukkan kepemimpinan Azalina.

Selain isu penyelewengan harta Puteri seperti didakwa ahli Puteri Umno, Zalilah Yusof, yang kini sudah menjadi kes polis, pihak yang akan

menentang Azalina juga dikatakan mendesak agar pucuk pimpinan mengeluarkan arahan agar Ketua Penaja Puteri itu berhenti daripada membuat kunjungan hormat dan mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno negeri.

Azalina sendiri pernah membuat kenyataan Puteri akan membuat lawatan dan kunjungan hormat serta mengadakan pertemuan dengan pemimpin Umno pada peringkat negeri ketika diundang untuk merasmikan beberapa majlis di Terengganu, April lalu.

Bagaimanapun, kerana mematuhi peraturan parti dan menghormati nasihat pemimpin Umno, Azalina membuat keputusan menghentikan kunjungan walaupun program itu sudah dirancang sejak Januari lalu.

Dengan keahlian kira-kira 90,000, beberapa ahli khususnya golongan profesional dijangkakan menawarkan diri bertanding jawatan tertinggi parti sebagai persiapan untuk membentuk barisan kukuh bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Azalina yang juga seorang peguam diberi tanggungjawab oleh kepemimpinan parti untuk mengetuai pergerakan itu berdasarkan kebolehan dan kepemimpinannya.

Menyedari tanggungjawab diamanahkan itu, Azalina bersama beberapa ahli jawatankuasa yang dilantiknya menjelajah ke segenap pelosok tanah air untuk mencari calon sesuai dan berkebolehan.

Azalina boleh diumpamakan hanya dibekalkan sebilah parang untuk menebas hutan sebelum menerokai tanah baru.

Sekarang hutan tebal sudah menjadi terang dan tibalah peneroka untuk mendudukinya, tetapi malang apabila muncul pula beberapa ahli Puteri yang cuba menidakkan tanggungjawab yang dilaksanakan Azalina.

Semua pihak termasuk pemimpin Umno pada peringkat negeri wajar tidak masuk campur dalam pemilihan Puteri peringkat bahagian serta kebangsaan dan biarlah perkara itu diselesaikan Puteri sendiri.

Bagaimanapun, terdengar desas-desus ada pemimpin peringkat bahagian mula masuk campur dan cuba memanasakan isu pemilihan berkenaan. Sebagai contoh, beberapa Ketua Bahagian Umno dikatakan mencalonkan ahli tertentu untuk menentang Ketua Penaja Puteri bahagian.

Ketua bahagian terbabit sanggup turun ke padang bertemu dengan ahli Puteri berkempen tidak memilih ketua penaja bahagian daripada terus menerajui jawatan berkenaan.

Keadaan itu berlaku kerana kepemimpinan bahagian terbabit bimbang dan takut pada bayang-bayangnya sendiri gara-gara beranggapan sekiranya ketua Puteri terus memegang jawatan itu, kedudukan mereka lama-kelamaan akan tergugat.

Sikap itu seharusnya dikikis kerana Puteri mahupun Pergerakan Pemuda serta Wanita adalah sayap atau cabang untuk mengukuhkan Umno bagi menghadapi musuh utama, iaitu pembangkang.